

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93**

April 1993

EBS 409/2 - Undang-undang Perlombongan

Masa : (2 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **empat (4) mukasurat bercetak** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Sila jawab **Soalan satu (1) dan tiga (3) soalan lain sahaja.**

Kertas soalan ini mengandungi **enam (6) soalan semuanya.**

Semua soalan **MESTILAH** dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

...2/-

1. Di bawah "Peraturan-peraturan Berkenaan Bahan Letupan", bincangkan tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil:-
 - i. apabila menyimpan bahan letupan dan peledak-peledak;
(25 markah)
 - ii. apabila memindahkan bahan letupan dan peledak-peledak daripada tempat simpanan bahan letupan ke permukaan lombong;
(25 markah)
 - iii. sebelum memulakan kerja-kerja setelah peletupan;
(25 markah)
 - iv. apabila wasap terhasil dari letupan sebatian nitro.
(25 markah)
2. Di bawah peruntukan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja seperti terkandung di dalam Akta Kilang Dan Jentera, 1967, beri ulasan tentang yang berikut:-
 - i. mengangkat barang berat; (10 markah)
 - ii. peruntukan-peruntukan mencegah kebakaran; (10 markah)
 - iii. bahagian-bahagian jentera yang merbahaya; (10 markah)
 - iv. sijil kelayakan; (10 markah)
 - v. tanggungjawab pekerja; (30 markah)
 - vi. tanggungjawab majikan; (10 markah)
 - vii. pakaian dan alat-alat keselamatan peribadi. (20 markah)
3. a. Di bawah "Peraturan-peraturan Berkenaan Operasi Kapal Korek", semua motorbot untuk membawa penumpang-penumpang mesti mematuhi lima peraturan. Tuliskan kelima-lima peraturan tersebut.
(60 markah)

...3/-

- b. Apakah tindakan-tindakan yang mesti diambil oleh seorang ketua kapal korek apabila diberitahu bahawa seorang pekerja telah terjatuh dari kapal korek ke dalam lombong?
- (40 markah)
4. Di bawah "Peraturan-peraturan Berkenaan Kerja-kerja Di Bawah Tanah", dengan secara ringkas tuliskan berkenaan keperluan-keperluan Enakmen Melombong berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:-
- membuat atau menggali syaf;
- (25 markah)
- alat angkat-dan-turun yang menggunakan kuasa manusia;
- (25 markah)
- gelendong sesuatu mesin yang digunakan untuk menurunkan atau menaikkan pekerja-pekerja atau barang-barang;
- (25 markah)
- laluan tangga yang digunakan umum dalam syaf menegak.
- (25 markah)
5. a. Huraikan kedua-dua kaedah yang terkandung dalam Enakmen Melombong untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh isi lubang letupan yang gagal meletup.
- (40 markah)
- b. Terangkan berkenaan peraturan-peraturan keselamatan yang mesti dipatuhi berkaitan dengan tali hadapan dan tali-tali sisi kapal korek yang sedang beroperasi.
- (30 markah)
- c. Apakah tindakan berjaga-jaga yang tertentu yang mesti diambil sebelum memasuki kawasan kerja yang sudah lama ditinggalkan di dalam lombong bawah tanah?
- Mengapakah tindakan berjaga-jaga yang tertentu ini perlu?
- (30 markah)

6. a. Terangkan perbezaan di antara Sijil Melombong dan Pajakan Melombong.
(30 markah)
- b. Terangkan perbezaan di antara Pajakan Kedua (Sub-Lease) dan Permit untuk Melombong (Permit-to-Mine).
(30 markah)
- c. Terangkan tentang keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan Pajakan Melombong dibatalkan oleh pihak berkuasa negeri.
(40 markah)

oooOooo